

29 AUG 1996

## PENGALIRAN MASUK PROFESIONAL MAHIR DIPERLUKAN UNTUK JAYAKAN LABUAN

LABUAN, 29 Ogos (Bernama) -- Kemampuan Labuan untuk terus maju sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) bergantung kepada keupayaannya menarik para profesional mahir ke pulau itu, kata Gabenor Bank Negara Datuk Ahmad Mohd Don.

"Apa yang saya boleh katakan, tanpa mereka, tugas kita untuk memajukan Labuan sebagai IOFC sepenuhnya akan terbantut," kata beliau dalam ucapannya pada majlis perasmian kompleks Ujana Kewangan Labuan yang menelan belanja RM360 juta oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Yang turut hadir di majlis tersebut ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng serta pemimpin-pemimpin industri.

Ahmad yang juga pengerusi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) berkata bagi memastikan kejayaan, penilaian kemajuan dari masa ke masa perlu diadakan dan terus membuat penyesuaian yang perlu agar proses pembangunan berjalan lancar.

"Tugasnya pasti penuh dengan cabaran bagi kami dan ia harus dilihat sebagai agenda negara yang memerlukan kesefahaman keperluan khususnya...membuat pengorbanan jangka pendek untuk faedah jangka panjang dan menyediakan insentif-insentif yang perlu bagi mencapai matlamat keseluruhan," katanya.

Pembangunan perniagaan IOFC kini diterajui oleh LOFSA yang baru ditubuhkan itu yang merupakan agensi pengawasan tunggal untuk memperkukuhkan pelbagai pihak berkuasa yang sebelum ini dikendalikan oleh agensi-agensi yang berlainan.

Katanya rangka kerja perundangan sedang dikaji untuk mewujudkan suasana yang benar-benar selesa bagi kegiatan kewangan luar pesisir.

Apa yang tinggal ialah mempromosikan Labuan kepada peserta yang bermutu dan pelabur yang berpotensi supaya mereka boleh mengambil kesempatan daripada banyak peluang dan inovasi dalam perkhidmatan kewangan luar pesisir yang ada di sini.

Di sebalik kejayaan Labuan setakat ini, katanya ialah Lembaga Pembangunan Labuan (LDA) yang jawatankuasa pemandu mengenai IOFC Labuan yang bertanggung jawab untuk memajukan prasarana pulau itu, yang merupakan asas utama yang perlu untuk mendirikan sesebuah IOFC.

Dengan kemudahan moden termasuklah rangkaian telekomunikasi, Labuan berkedudukan baik untuk menjadi pusat serantau bagi pemprosesan maklumat dan pengurusan perkhidmatan kewangan, tambahnya.

Telekomunikasi moden yang cekap adalah mercu tanda bagi kejayaan sesebuah IOFC dan "kami pastinya tidak akan mengabaikan sebarang usaha untuk memenuhi keperluan itu," katanya. -- BERNAMA

JSM MA/sia